



# TATACARA PENGGUNAAN LOGO LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Dikeluarkan oleh  
Lembaga Teknologis Malaysia  
Januari 2023

Versi 1.3  
(Januari 2023)

## KANDUNGAN

|  |    |
|--|----|
| 1. Pengenalan.....   | 3  |
| 2. Objektif.....   | 3  |
| 3. Tatacara Permohonan.....  | 4  |
| 4. Kriteria Permohonan.....  | 4  |
| 5. Pematuhan Penganjur terhadap Penggunaan Logo.....                               | 5  |
| 6. Pematuhan <i>Approved Training Provider (ATP)</i> terhadap Penggunaan Logo..... | 7  |
| 7. Logo Rasmi MBOT.....  | 8  |
| 8. Kod Warna Logo MBOT.....  | 9  |
| 9. Contoh Penggunaan Logo yang Betul .....   | 10 |
| 10. Contoh Penggunaan Logo yang Salah .....  | 10 |
| 11. Penutup.....   | 13 |

## 1. PENGENALAN

MBOT ditubuhkan sebagai badan profesional melalui Akta Teknologis dan Juruteknik 2015 (Akta 768), untuk mendaftar dan mengiktiraf Teknologis Profesional serta Juruteknik Bertauliah sebagai profesional. Pengiktirafan ini adalah untuk memperkasakan kerjaya Teknologis dan Juruteknik sebagai satu profesion profesional di samping menyumbang kepada tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh Malaysia.

## 2. OBJEKTIF

- 2.1 Tatacara ini dikeluarkan bertujuan menjelaskan ketetapan kepada jabatan/agensi kerajaan/organisasi/ institusi atau pemain industri untuk kelulusan penggunaan logo MBOT bagi penganjuran latihan, kursus, bengkel, seminar, tajaan dan program-program lain yang berkaitan.
- 2.2 Memastikan logo MBOT digunakan untuk program-program yang mendapat perakuan dan pengiktirafan dari MBOT.
- 2.3 Memelihara nama baik, kredibiliti, imej dan reputasi MBOT melalui penggunaan logo yang sewajarnya.
- 2.4 Memastikan logo MBOT digunakan secara terkawal.
- 2.5 Mengelakkan penyalahgunaan logo MBOT.

### 3. TATACARA PERMOHONAN

- 3.1 Jabatan/agensi kerajaan/organisasi/ institusi atau pemain industri yang telah mendapat kelulusan penganjuran program *Continuing Professional Development* (CPD) **tidak perlu** mengisi borang permohonan penggunaan logo kerana logo dan tatacara telah dikemukakan bersama-sama surat pemakluman kelulusan penganjuran program.
- 3.2 Memuat turun dokumen Tatacara Penggunaan Logo MBOT di laman sesawang [www.mbot.org.my](http://www.mbot.org.my).
- 3.3 Membuat permohonan dengan mengemukakan borang permohonan yang lengkap diisi beserta lampiran yang berkaitan.
- 3.4 Permohonan lengkap perlu dikemukakan sekurang-kurangnya 5 hari sebelum tarikh penggunaan logo.
- 3.5 Semakan dan penelitian permohonan akan dilakukan oleh Unit Komunikasi Korporat, MBOT.
- 3.6 Maklum balas keputusan penggunaan logo akan diserahkan kepada pemohon melalui emel.
- 3.7 Pemohon perlu mengemukakan draft penggunaan logo untuk semakan terlebih dahulu.

#### **4. KRITERIA PERMOHONAN**

- 4.1 Pemohon adalah sebuah kementerian/jabatan/agensi kerajaan/organisasi/ institusi dan pemain industri yang diiktiraf dan sah di sisi undang-undang.
- 4.2 Pemohon mempunyai keupayaan membiayai kos keseluruhan pelaksanaan program melalui sumber kewangan tersendiri atau penaja.
- 4.3 Bagi penggunaan logo yang melibatkan program, tarikh dan lokasi pelaksanaan mestilah dimuktamadkan.

#### **5. PEMATUHAN PENGANJUR TERHADAP PENGGUNAAN LOGO**



- 5.1 Penganjur dibenarkan untuk memohon Lembaga Teknologis Malaysia mempromosikan program di sosial media tanpa melibatkan apa-apa kos.
- 5.2 Kebenaran penggunaan logo diberikan bagi satu program sahaja untuk setiap permohonan yang dinyatakan secara bertulis - tiada kelulusan terbuka diberikan.
- 5.3 Penganjur perlu bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan sebarang masalah atau kesulitan tidak berbangkit dalam penganjuran program yang menggunakan logo MBOT.

- 5.4 MBOT berhak untuk menghalang dan membatalkan mana-mana individu dan entiti yang menyalahgunakan logo MBOT termasuk yang telah diberikan kelulusan tanpa notis, sekiranya didapati menyalahi undang-undang.
- 5.5 MBOT adalah tidak bertanggungjawab untuk menanggung apa-apa bentuk liabiliti, isu dan krisis yang terjadi kepada apa jua jenis program berkaitan walaupun kebenaran penggunaan logo telah diberikan.

## 6. PEMATUHAN *APPROVED TRAINING PROVIDER (ATP)* KEPADA PENGGUNAAN LOGO

- 6.1 Hanya permohonan sebagai *Approved Training Provider (ATP)* yang diluluskan sahaja dibenarkan menggunakan logo MBOT.
- 6.2 ATP tidak perlu mengisi borang permohonan penggunaan logo kerana logo dan tatacara telah dikemukakan bersama-sama surat pemakluman kelulusan penganjuran program.
- 6.3 Logo MBOT hanya boleh digunakan berserta dengan ayat yang menunjukkan pemberian jam CPD oleh MBOT.

Contoh:




## 7. LOGO RASMI LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA



- 7.1 Salinan logo berdefinisi tinggi (HD) perlu dipohon daripada Unit Komunikasi Korporat, Lembaga Teknologis Malaysia sahaja.
- 7.2 Logo perlu digunakan bersama latar belakang yang tidak bertindih dengan warna asli logo MBOT.
- 7.3 Logo hendaklah terang dan jelas.
- 7.4 Logo perlu diletakkan keseluruhan dengan tulisan Lembaga Teknologis Malaysia - Malaysia Board of Technologists.



## 8. KOD WARNA LOGO LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA



## 9. CONTOH PENGGUNAAN LOGO YANG BETUL



Warna latar tidak bertindih dengan warna logo



- Logo yang jelas
- Logo dan perkataan disusun dengan teratur

## 10. CONTOH PENGGUNAAN LOGO YANG SALAH



- Logo tidak penuh/ dipotong
- Kesilapan nama MBOT pada terjemahan Bahasa Inggeris
- Pengubahsuaian logo

## **11. PENUTUP**

- 11.1 Tatacara permohonan ini terpakai kepada semua pihak yang terlibat dalam permohonan penggunaan logo MBOT.
- 11.2 Borang permohonan penggunaan logo MBOT adalah seperti di lampiran 1.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

**Lembaga Teknologis Malaysia**

**A1-3-1 & A1-3-3, Ayer@8, Jalan P8G, Presint 8**

**62250, Putrajaya**

**03-8800 6268**

**[info@mbot.org.my](mailto:info@mbot.org.my)**



## BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN LOGO LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

\*Lengkapkan semua ruangan

\*Borang ini perlu dikembalikan kepada Unit Komunikasi Korporat, Lembaga Teknologis Malaysia  
selewat-lewatnya 5 hari sebelum tarikh penggunaan logo ke [t.nabila@mbot.org.my](mailto:t.nabila@mbot.org.my)

| MAKLUMAT PEMOHON            |  |
|-----------------------------|--|
| Nama Organisasi/ Agensi     | : _____  |
| Tujuan Penggunaan Logo      | : _____  |
| Nama Program                | : _____  |
| Lokasi Program              | : _____  |
| Tarikh Program              | : _____  |
| Tujuan dan Objektif Program | : _____<br>_____   |
| Tempoh Penggunaan logo      | : _____ sehingga _____   |
| Medium Penggunaan Logo      | : <input type="checkbox"/> Buku Program<br><input type="checkbox"/> Bunting & Banner<br><input type="checkbox"/> Laman Web<br><input type="checkbox"/> Lain-lain (Sila nyatakan):<br>_____ |

**LAMPIRAN 1**

|  |   |
|--|---|
| <p>Tandatangan Pemohon :</p><br><br>.....<br>Nama :<br>Jawatan :<br>Emel :<br>No. Telefon :<br>Tarikh :  | <p>Cop Organisasi/ Agensi :</p>   |
| <p><b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b></p> <p>Tarikh Borang Diterima :</p> <p><input type="checkbox"/> Diluluskan</p> <p><input type="checkbox"/> Tidak Diluluskan</p> |   |
| <p><b>Pengesahan oleh Pegawai Penerima</b></p> <p>Tandatangan :</p><br><br>.....<br>Nama :<br>Tarikh :   | <p><b>Pengesahan oleh Pendaftar</b></p> <p>Tandatangan :</p><br><br>.....<br>Nama :<br>Tarikh : |